

U B394 DEB  
MAHATHIR - ULAMA RRR

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMAY) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP ULAMA-ULAMA MENGGUNAKAN PENDEKATAN ISLAM DENGAN BIJAKSANA UNTUK MENYEDAR, MENYATUPADU DAN MEMBANGUNKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA MAMPU MEMELIHARA AGAMA DAN DIRI MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBIJAKSANAAN DALAM MENYEBARKAN ILMU, TUTUR KATA, TINDAKAN DAN MENERAJUI PIMPINAN MERUPAKAN ANTARA PENDEKATAN YANG PENTING BAGI MENJAMIN KEHARMONIAN KEHIDUPAN BERMASYARAKAT DAN BERNEGARA.

+SESEORANG YANG BERILMU PERLU MENGGUNAKAN KEBIJAKSANAANNYA SUPAYA SEGALA TINDAKANNYA BERASASKAN KEPERLUAN DAN PERKEMBANGAN SEMASA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MAJLIS IJTIMAK GURU-GURU TAKMIR MASJID SELURUH NEGARA DI PUSAT ISLAM, DI SINI HARI INI.

IJTIMAK BERTEMA +KE ARAH MENGEMBALIKAN KEWIBAWAAN GURU-GURU AGAMA DALAM MENGAWAL AKTIVITI MASYARAKAT+ ITU DIADAKAN SELAMA TIGA HARI BERMULA SEMALAM DAN DIHADIRI OLEH 1,720 ORANG GURU TAKMIR MASJID DARI SELURUH NEGARA. IA ANJURAN BAHAGAIAN HAL EHWAL ISLAM, JABATAN PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA TERDAPAT SEGOLONGAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI YANG ARIF DAN MEMPUNYAI KEPAKARAN DALAM SESUATU BIDANG ILMU PENGETAHUAN, TETAPI KURANG ARIF MENJALANKAN TUGASAN YANG DIAMANAHKAN. -- LAGI.

1731MST 02 08 88

0872

U B396 DEB  
MAHATHIR - ULAMA 2 KUALA LUMPUR

+KEADAAN SEDEMIKIAN TELAH MENIMBULKAN PELBAGAI KESAN NEGATIF DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT,+ KATA BELIAU DENGAN MENEGASKAN, KEGAGALAN MENJALANKAN SESUATU TUGAS DENGAN BIJAKSANA, CERMAT DAN TELITI MENYEBABKAN PELAKSANAAN BEBERAPA RANCANGAN UNTUK KEMAJUAN AGAMA DAN NEGARA TERBANTUT DAN TIDAK MENCAPAI OBJEKTIFNYA.

DI SAMPING ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR TERDAPAT PIHAK TERTENTU YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KEADAAN YANG BERLAKU UNTUK MEMBUAT PELBAGAI TAFSIRAN DAN TELAHAN SECARA MEMBUTA-TULI YANG MENGELIRUKAN UMAT ISLAM SEHINGGA MEREKA GAGAL MENGHADAPI CABARAN HIDUP.

+TINDAKAN GOLONGAN INI SEBENARNYA MEMPERLIHATKAN BAHAWA MEREKA TELAH GAGAL MENGGUNA KEBIJAKSANAAN DALAM MENYELESAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI.

+ORANG YANG BIJAKSANA IALAH ORANG YANG BENAR-BENAR MENGENALPASTI PUNCA SESUATU MASALAH, BERSEEDIA MEMBANTU MENGATASI DAN MENGURANGKAN MASALAH BERKENAAN DAN BUKAN BERBUAT SEBALIKNYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA ULAMA HARUS MEMBELAKANGKAN SEMUA KEPENTINGAN LAIN DALAM USAHA MEREKA MENGEMBALIKAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA KEPADA AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA. -- LAGI.

1733MST 02 08 88

U 8397 DEB  
MAHATHIR - ULAMA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PARA ULAMA SEBAGAI GOLONGAN YANG MEMPUNYAI KEWIBAWAAN DALAM ISLAM, HARUS MENJAGA KEKUATAN KEPIMPINAN ISLAM SUPAYA ISLAM TIDAK TERANCAM DENGAN KELEMAHAN MATERIAL ATAU ROHANIAH. BELIAU MENGGESA ULAMA YANG TIDAK MEMPUNYAI KEPENTINGAN LAIN, SELAIN DARIPADA ISLAM MENENTUKAN KESAHIHAN DAN KEBENARAN AJARAN YANG DATANG DARIPADA PELBAGAI PUNCA.

+AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA IALAH ISLAM SEPERTI YANG DITERANGKAN DALAM AL-QURAN DAN SUNNAH NABI. PERBEZAAAN YANG TERDAPAT SEKARANG IALAH DISEBABKAN OLEH TAFSIRAN YANG BERBEZA-BEZA OLEH TOKOH-TOKOH ISLAM TERTENTU,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA DENGAN PENJELASAN AGAMA ISLAM SEBENARNYA, SEBARANG KERAGUAN MASYARAKAT AKAN HILANG DAN INI TIDAK DAPAT TIDAK AKAN MENJADI MASYARAKAT ISLAM KUKUH DAN KUAT, YANG MAMPU MELINDUNGI UMAT ISLAM DARIPADA BERMACAM TEKAMAN DAN PENGARUH YANG BOLEH MELEMAHKAN ISLAM DAN NEGARA MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA MASYARAKAT BERHATI-HATI DENGAN PENERIMAAN ORANG YANG BERPENGETAHUAN ISLAM SEBAGAI ULAMA KERANA MENURUTNYA, SESEORANG ITU TIDAK MENJADI ULAMA, HANYA KERANA DIA MEMILIKI PENGETAHUAN TENTANG AGAMA ISLAM. -- LAGI.

1745MST 02 08 88

U 8413 DEB  
MAHATHIR - ULAMA 4 KUALA LUMPUR

+KAJIAN PERLU DIBUAT TENTANG AJARAN YANG DISAMPAIKAN OLEH SESEORANG ITU, TENTANG KEPENTINGANNYA DAN AMALAN HIDUPNYA SEBELUM SESEORANG ITU DITERIMA DAN DIIKTIRAF SEBAGAI ULAMA.+

JIKA KAJIAN SEUMPAMA ITU TIDAK DIBUAT, KATANYA, AJARAN-AJARAN SESAT DAN BERKEPENTINGAN, YANG SUDAH PUN TERDAPAT DI NEGARA INI AKAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT LAGI DAN AKHIRNYA UMAT ISLAM DI MALAYSIA AKAN BERPECAH DAN BERMUSUHAN SESAMA SENDIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAYA DAN KEMUNGKINAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA TIDAK BOLEH DIPANDANG RINGAN KERANA KINI UMAT ISLAM, KHUSUSNYA ANAK-ANAK MUDA ISLAM LEBIH BERMENYUKAI DENGAN AGAMA DAN PEMBANGUNAN ROHANIAH, DI SAMPING PEMBANGUNAN MATERIAL.

SELAIN ITU, KATA BELIAU KEBANGKITAN ISLAM DI SELURUH DUNIA TURUT MEMPENGARUHI UMAT ISLAM DI MALAYSIA UNTUK MENDALAMI LAGI PENGETAHUAN MEREKA MENGENAI ISLAM.

KEADAAN INI MENJADIKAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA AMAT MUDAH DIPENGARUHI OLEH SESIAPA SAHAJA YANG MENYAMAR SEBAGAI ULAMA, KATANYA SAMPIL MEMBANDINGKAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA PADA MASA LAMPAU DENGAN MASA KINI. -- LAGI.

1830MST 02 08 88

0902

U B414 DEB  
MAHATHIR - ULAMA 5 KUALA LUMPUR

+JIKA DAHULU ORANG ISLAM DI MALAYSIA MEMPUNYAI SATU MAZHAB SAHAJA DAN TIADA PERSELISIHAN PENDAPAT MENGENAI CARA-CARA BERIBADAT, TETAPI HARI INI SUDAH ADA PELBAGAI KUMPULAN DENGAN AMALAN DAN KEPERCAYAAN YANG BERBEZA-BEZA KERANA TERPENGARUH DENGAN TAFSIRAN DARIPADA RAMAI YANG MENDAKWA MEREKA ULAMA.+

BELIAU BERKATA PEMULAUAN ANTARA KUMPULAN YANG BERKENAAN JUGA KERAP BERLAKU YANG BUKAN SAHAJA MEMISAHKAN ANTARA YANG TERLIBAT TETAPI MEMBERIKAN IMEJ YANG BURUK KEPADA ISLAM DI KALANGAN ORANG BUKAN ISLAM.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOOR DAN KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM, DATUK DR ABDUL HAMID OTHMAN.

SELEPAS PERASMIAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERTAI MAJLIS TAHLIL BERSAMA-SAMA GURU-GURU TAKMIR BERKENAAN. PADA MALAM INI BELIAU MENGADAKAN JAMUAN MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN MEREKA. --  
BERNAMA.

1834MST 02 08 88